



JPBWS

Edisi 7/2015

BULETIN

www.townplanning.sabah.gov.my

MENARIK DI DALAM

**Perancangan
Pengangkutan Awam
ke Arah Bandaraya Sejahtera
di Sabah**

**Garis panduan
Anjakan Belakang
Bangunan Kediaman**

**Garis panduan
Anjakan Back to Back
Rumah Berkembar**

**Ecosystem Classification
of the Coastal zone of Sabah**



ISI KANDUNGAN

3. Perutusan Menteri
4. Prakata Setiausaha Tetap
5. Ucapan Aluan Pengarah
6. Program Publisiti Awam
8. *Ecosystem Classification and Ecosystem Maps*
9. Syarat-Syarat Pelan Pembangunan yang tidak perlu dirujuk semula ke LPPBD
10. Garispanduan Anjakan Belakang Bangunan Kediaman
11. Garispanduan *Back to Back* Rumah Berkembar di Sabah
12. Perangkaan Permohonan Pelan Pembangunan 2015
14. *Modul Strategic Engagement Programme*
15. JPBWS menerima Pelajar Latihan Industri
16. Projek Landskap Perbandaran Tuaran
17. Kepentingan Penyediaan Pelan Landskap
18. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
19. Persidangan Perancangan Negeri 2015
20. Perasmian Seminar Penyediaan Garispanduan *Earthquake Resistant Buildings*
21. SUKNA Melaka 2015
22. Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sabah
23. Aktiviti Badan Kebajikan Islam JPBWS
24. Program Kembara Sehati Sejiwa
25. Anugerah APC, Kakitangan Baharu dan Berpencen 2015.

DARI MEJA PENGARANG

Selama 7 tahun berturut-turut Buletin JPBWS telah dihasilkan bertujuan untuk memberikan informasi-informasi yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa di Sabah kepada semua pihak samada di pihak awam atau swasta.

Selari dengan tujuan penghasilan buletin JPBWS, Buletin JPBWS Edisi 7, 2015 ini juga turut merakamkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2015.

Diharapkan, penerbitan buletin ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak dan menjadi salah satu sumber rujukan yang berkesan untuk JPBWS dalam menyalurkan maklumat dan seterusnya membantu mewujudkan perancangan yang lebih terancang dan efisien di Sabah.

Carolyn

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Datuk Matius Sator

Penasihat

Tuan Haji Mursidi Haji Sapie

Pengerusi

Puan Bernadette C. Edmund

Ketua Editor

Cik Carolyn Tay

Editor & Pereka Grafik

Encik Augus Tamaning

Ahli-Ahli

Encik Nazri Hamburg

Puan Nurulhayati Awang More

Encik Sharum Radzlee

Cik Farida Ansawi

Encik Pasdik Francies

Encik Abd Wahid bin Abd Rashid

Encik Awang Laiman

Puan Rozidah Samudin

Encik Danny Gaery F. Malinggi

Encik Al Zaeid Abd Lait

Encik Joe Gadayok

Puan Mariani Udai

Encik Suhaili Laiman

Encik Myron Masing

Tel: 088 222336/7

Fax: 088 222557

E-mel: JPBW@sabah.gov.my

Kami menghargai sebarang komen, maklum balas dan cadangan daripada anda. Sila kemukakannya melalui e-mel di atas.



DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN
TUAN HAJI SALSIDU BIN HAJI IBRAHIM, JP.
JABATAN CETAK KERAJAAN
SABAH, MALAYSIA, 2016

PERUTUSAN

YANG BERHORMAT

MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh
dan salam sehati sejiwa.

Alhamdulillah rabbil'alamiin segala puji dan rasa syukur, sama-sama kita panjatkan semata-mata Allah S.W.T yang maha penyayang. Tanpa izin dan kurnia-Nya, adalah mustahil untuk menerbitkan buletin untuk tatapan pembaca.

Saya juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perancang Bandar & Wilayah, Sabah kerana telah berjaya menghasilkan buletin JPBW pada kali ini. Penerbitan buletin ini bertemakan "*Public Transport Planning Towards Liveable Cities In Sabah*" yang mana bertepatan dan sejajar dengan era serta hasrat kerajaan negeri dalam memertabatkan sistem pengangkutan awam di Sabah khususnya.

Umum mengetahui bahawa memperkasakan pengangkutan awam merupakan kerangka *National Key Result Areas* (NKRA) negara yang telah dicanangkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Perkara ini harus diberikan perhatian yang serius dalam menterjemahkan pembangunan yang Liveable.

Penerbitan buletin ini juga diharap dapat memberikan gambaran tentang keprofesionalisma badan kerajaan bagi merangka aktiviti dan program dalam memperkasakan sistem pengangkutan awam di Sabah. Justru ianya juga dapat memberikan gambaran dan informasi kepada pembaca tentang akauntibiliti dan ketelusan kerajaan dalam merialisasikan pembangunan di negeri Sabah.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga redaksi JPBW, Sabah kerana memberi ruang coretan kepada saya dalam menyampaikan prakata. Dikeempatan ini saya menyeru kepada semua badan-badan kerajaan untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh berintegriti dan telus demi agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



YB Datuk Seri Panglima
Haji Hajiji Haji Noor

PRAKATA

YANG BERBAHAGIA

SETIAUSAHA TETAP

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan syabas, tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah kerana telah membuktikan kejayaan dalam merealisasikan inspirasi kerajaan iaitu dengan menterjemahkan dalam bentuk penulisan buletin yang bertemakan "*Public Transport Planning Towards Liveable Cities In Sabah*". Tema pada kali ini amatlah bertepatan dan diharap menjadi platform kepada semua pihak samada agensi kerajaan negeri, persekutuan mahupun swasta untuk mewujudkan perancangan bersepadu dengan mengambilkira keperluan pengangkutan awam di Sabah.

Kerajaan begitu komited melakukan proses transformasi dengan menambah baik sistem pengangkutan awam melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan NKRA dan pengukuran *Key Performance Index* (KPI). Ini merupakan satu pendekatan sistematik bagi mengukur prestasi dan keupayaan kerajaan dalam menyediakan pengangkutan yang berkualiti dan memenuhi aspirasi rakyat.

Berdasarkan 4 bidang utama pengangkutan awam, pihak Kementerian bersama-sama Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Sabah memberi penekanan awal dalam memastikan kawasan pembangunan yang dicadangkan oleh pemaju mudah dihubungi dengan kenderaan awam. Ini termasuklah memastikan pelan pembangunan (DP) perlu disediakan kemudahan-kemudahan bagi pengangkutan awam. Dalam hal ini, Pihak Kementerian bersama-sama Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Sabah memberi penekanan terhadap DP yang komprehensif agar konsep pembangunan bersepadu dapat dicapai.

Walaupun fakta-fakta ini boleh diperolehi dengan mudah melalui media-media internet, blog-blog lain-lain gerbang maklumat, namun demikian dikuatir sumber serta ketelusan maklumat tersebut masih boleh diragui. Jabatan Perancang Bandar & Wilayah (JPBW) cuba menerapkan kaedah penyampaian maklumat dengan menerbitkan cetakan buletin. Diharap, ini dapat membantu pembaca-pembaca untuk lebih mengenali fungsi dan peranan JPBW dan secara tidak langsung menjadi wacana ilmu kepada pembaca.

Oleh yang demikian, saya berharap agar penerbitan buletin ini akan memberi banyak faedah kepada semua lapisan masyarakat dan dapat memberikan manfaat, kefahaman yang lebih jelas kepada masyarakat amnya.

Sekian terima kasih.



Datuk Matius Sator@ Matthew

UCAPAN ALUAN

PENGARAH

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH, SABAH

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkongsi informasi dan idea serta wacana baru dalam bidang perancangan bandar yang memfokuskan kepada pengangkutan awam khususnya di Negeri Sabah. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga JPBW terutamanya kepada barisan redaksi di atas penerbitan buletin pada kali ini yang bertemakan “*Public Transport Planning Towards Liveable Cities In Sabah*”.

Secara tuntasnya pengangkutan awam yang berkualiti merupakan elemen penting bagi pembangunan bandar yang *liveable*. Sehubungan dengan itu, pihak berkuasa bersama-sama pengusaha-pengusaha pengangkutan awam perlu bersenergi bagai aur dengan tebing untuk memperkasakan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah. Sistem pengangkutan yang moden, selesa, serta lokasi-lokasi pembangunan yang dilengkapi dengan kemudahan prasarana yang baik dapat menjana pembangunan Negeri Sabah ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dalam edisi kali ini juga, jabatan berkesempatan menyajikan beberapa topik yang menarik tentang program-program serta aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perancang Bandar sepanjang tahun 2015. Penerbitan buletin ini juga merupakan salah satu platform yang mampu berinteraksi dengan pembaca dengan memberi kefahaman tentang peranan serta fungsi jabatan dalam memandu arah pembangunan di negeri Sabah.

Bagi pihak Jabatan Perancang Bandar & Wilayah Sabah, saya ingin merakamkan setinggi-setinggi penghargaan terima kasih kepada sidang pembaca dan yang telah memberikan sumbangan kepada penerbitan buletin edisi kali ini. Akhir kalam, jabatan berharap penerbitan buletin ini diharap dapat memberikan informasi kepada pembaca dan sekaligus dapat memperkenalkan peranan dan fungsi perkhidmatan Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah kepada orang ramai. Semoga tahun yang mendatang akan terus membawa kecemerlangan kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.



Tn Hj. Mursidi Hj. Sapie

PROGRAM PUBLISITI AWAM

Kajian Pelan Struktur Negeri Sabah 2033

Ordinan Perancang Bandar dan Desa Bab 141 telah memperuntukkan keperluan Publisiti Awam dalam penyediaan Pelan Struktur Negeri Sabah dalam Seksyen 4D (1).

Sepanjang program ini dijalankan, penglibatan daripada orang awam adalah sangat memberangsangkan. Kehadiran daripada pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat, wakil-wakil penduduk dan orang-orang persendirian banyak membantu dalam memastikan program ini mencapai tujuannya.

Tujuan utama Publisiti Awam ini dijalankan adalah untuk:-

- Memberikan peluang kepada orang awam untuk menyuarakan pendapat dan cadangan-cadangan mereka.
- Memberikan maklumat kepada orang awam mengenai halatuju pembangunan negeri Sabah sehingga tahun 2033.

**“HALATUJU
PEMBANGUNAN
NEGERI SABAH
SEHINGGA
TAHUN 2033”**





**“PELUANG
ORANG AWAM
MENYUARAKAN
PANDANGAN
DAN CADANGAN”**



ECOSYSTEM CLASSIFICATION OF THE COASTAL ZONE OF SABAH

The Ecosystem Classification of the Sabah Coastal Zone has been developed to define a standard form for the identification of ecosystems for planning and management within the coastal zone. The classification is intended to be used both as a means of mapping the ecosystems from remote sensing imagery, as well as field identification of areas.


This classification concentrates on the wetland

coastal habitats of Sabah, but also takes account of human developments and the terrestrial coastal habitats that are important in understanding Sabah's coastal zone.



The classification also deals with the ecosystems of the coastal zone of Sabah and, as development in Sabah will be largely concentrated in the coastal zone, the classification provides a means by which these ecosystems and their

associated natural services can at an early stage be incorporated into development land use planning.

Developed into a field manual the Ecosystem Classification of the Sabah Coastal Zone would provide a means by which non-specialists both can use this understanding in planning as well as in the field.



ECOSYSTEM MAPS OF THE COASTAL ZONE OF THE WEST COAST OF SABAH



These maps represent one of the products from the first phase of an Integrated Coastal Zone Management (ICZM) initiated in the Town & Regional Planning Department in Sabah.

ARAHAN LEMBAGA PUSAT PERANCANG BANDAR DAN DESA

Syarat-syarat Pelan Pembangunan Pindaan yang tidak perlu dirujuk semula

Mesyuarat Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa No.2/2015 bertarikh 12 Febuari 2015 telah menetapkan syarat-syarat bagi pertimbangan dan kelulusan pelan pembangunan pindaan yang tidak perlu dirujuk semula kepada Lembaga Pusat.

Tujuan arahan ini adalah untuk mempercepatkan lagi proses pengeluaran kelulusan pelan pembangunan khususnya kelulusan pelan pindaan ke atas pelan pembangunan yang telahpun mendapat kebenaran di bawah Seksyen 15, Ordinan Perancang Bandar dan Desa Sabah.

Dalam konteks Seksyen 15, Ordinan Perancang Bandar dan Desa Sabah, peranan Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa adalah semata-mata untuk memberi kebenaran (atau kuasa) kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk meluluskan sesuatu pelan pembangunan dan bukannya untuk meluluskan pelan pembangunan berkenaan.

SYARAT-SYARAT

- Kebenaran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Pusat kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk meluluskan pelan pembangunan asal (kepada pelan pindaan berkenaan) masih sah atau belum luput tempohnya.
- Pindaan yang dicadangkan tidak melibatkan perubahan kategori gunatanah daripada pelan asal.
- Pindaan yang dicadangkan tidak melibatkan perubahan ke atas pelan tatatur asal.
- Pindaan yang dicadangkan tidak melibatkan penambahan unit.

ATAU

- Pindaan yang dilaksanakan adalah untuk mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh Lembaga Pusat dan/atau Agensi/Jabatan Teknikal.





gambar kredit ke businesswire.com

JARAK MINIMA ANJAKAN BELAKANG BANGUNAN

BAGI PEMBANGUNAN RUMAH TERES, RUMAH KEMBAR DAN RUMAH SESEBUAH

Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa No.2/2015 telah bermesyuarat pada Febuari 2015 telah meluluskan pemakaian jarak minima anjakan belakang bangunan bagi bangunan rumah teres, rumah berkembar dan rumah sesebuah adalah **10 kaki (3.1 meter)**.



gambar kredit ke iProperty.com



gambar kredit ke tambunindah.com



gambar kredit ke johorpropertyhub.com

BACK TO BACK

SEMI DETACHED



gambar kredit ke bestmalaysiaproperty.com

NORMAL



gambar kredit ke property.malaysiamostwanted.com

BACK TO BACK

In a meeting held in February 2015, the Central Board of Town and Country Planning No.2 / 2015 has approved the concept of development back to back for the construction of semi detached houses in Sabah.

PERANGKAAAN PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN 2015

BIL	ZON TENGAH	PELAN PEMBANGUNAN		
		Pelbagai	Pecah Bahagi	Penukaran Zon
1	Kota Kinabalu	69	27	0
2	Penampang	178	36	4
	JUMLAH	247	63	4

BIL	ZON BARAT DAYA	PELAN PEMBANGUNAN		
		Pelbagai	Pecah Bahagi	Penukaran Zon
1	Kota Belud	10	1	0
2	Kota Marudu	18	4	0
3	Kudat	13	4	0
4	Pitas	7	0	0
5	Ranau	16	2	0
6	Tuaran	20	8	0
	JUMLAH	84	19	0

BIL	ZON BARAT LAUT	PELAN PEMBANGUNAN		
		Pelbagai	Pecah Bahagi	Penukaran Zon
1	Putatan	177	72	7
2	Papar	170	75	4
3	Beaufort	69	9	4
4	Kuala Penyu	13	8	2
5	Sipitang	29	5	0
	JUMLAH	458	169	17

2015

“Sejumlah 1341 permohonan pelan pembangunan telah diterima dan diproses dalam tahun 2015”

BIL	ZON PEDALAMAN	PELAN PEMBANGUNAN		
		Pelbagai	Pecah Bahagi	Penukaran Zon
1	Tambunan	1	0	0
2	Keningau	30	17	0
3	Tenom	14	10	0
4	Nabawan	6	0	0
	JUMLAH	51	27	0

BIL	ZON TAWAU	PELAN PEMBANGUNAN		
		Pelbagai	Pecah Bahagi	Penukaran Zon
1	Tawau	35	19	10
2	Lahad Datu	34	3	4
3	Semporna	15	2	2
4	Kunak	2	0	1
	JUMLAH	86	24	17

BIL	ZON SANDAKAN	PELAN PEMBANGUNAN		
		Pelbagai	Pecah Bahagi	Penukaran Zon
1	Sandakan	35	33	1
2	Beluran	1	1	0
3	Kota Kinabatangan	3	0	1
4	Tongod	0	0	0
	JUMLAH	39	34	2



Modul Strategic Engagement Programme

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah juga turut terlibat dalam program pelaksanaan modul *Strategic Engagement Programme* (SEP) Siri 1 Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN yang bermula pada 29 September 2015 sehingga 9 Oktober 2015. Seramai 6 orang kadet telah dihantar ke jabatan ini dan ditempatkan di Bahagian Korporat dan Penyediaan.

Program ini berkonsepkan latihan yang menyeluruh dan berteras-kan peningkatan profesionalisme dengan memberikan penekanan kepada aspek pembangunan dan pembentukan peribadi berdasarkan kepada Kemahiran, Pengetahuan, Kebolehsesuaian dan Daya

“Perlaksanaan Komponen Integrasi Nasional dan Pengukuhan Diri”

Tahan yang di terjemahkan melalui dua bidang pembelajaran iaitu Kurikulum dan Ko-Kurikulum.

Sebagai pendedahan awal, peserta diberikan taklimat bagi membolehkan mereka mengenali terlebih dahulu peranan dan tanggungjawab Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah.

Seterusnya, para peserta diberikan tugas berkaitan dengan isu dan

Siri 1 Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN

masalah yang dihadapi oleh jabatan ini serta dikehendaki mengemukakan cadangan penambahbaikan tersebut.

Sepanjang latihan, mereka juga telah melawat beberapa buah daerah seperti daerah-daerah Kudat, Kota Marudu dan Ranau. Lawatan ini adalah bagi membolehkan mereka melihat sendiri pembangunan yang telah dilaksanakan berdasarkan perancangan yang telah disediakan dalam Pelan Daerah dan Pelan Tempatan di daerah-daerah berkenaan.



JPBW menerima 8 Pelajar Latihan Industri

Seramai 6 orang pelajar daripada pelbagai institusi awam telah diterima menjalani latihan industri di Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah. Pelajar-pelajar berkenaan telah didedahkan kepada tatacara pentadbiran awam serta diberikan kefahaman tentang sistem perancangan bandar dan desa di Sabah.

Selain itu, bagi membantu para pelajar meningkatkan kemahiran dalam bidang perancangan bandar dan desa, beberapa latihan juga diberikan seperti pemeriksaan pelan pembangunan, pemeriksaan pelan bangunan dan menjalankan

kerja-kerja di lapangan.

Beberapa siri taklimat juga dilakukan bagi membolehkan mereka memahami tentang visi, misi dan peranan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah dalam membantu kerajaan negeri khususnya berkaitan dengan aspek perancangan bandar dan desa.

Beberapa orang pensyarah dar-



ipada Institusi Pengajian Tinggi juga telah membuat lawatan dan menjalankan penilaian terhadap pelajar-pelajar tersebut semasa mereka menjalani latihan industri di jabatan ini.

“ Membantu para pelajar meningkatkan kemahiran dalam bidang perancangan bandar ”




Pada 01 Disember 2015, lawatan tapak bersama Pengarah JPBW telah diadakan bagi projek Cadangan Pembangunan Landskap Perbandaran Tuaran Fasa 1 (CPLPTF1) di Pekan Tuaran. Pengarah JPBW telah berpuas hati dengan kerja-kerja yang telah disiapkan bagi projek landskap ini. Gambar menunjukkan lawatan di sekitar papan tanda 'Selamat Datang Ke Tuaran', iaitu komponen utama rekabentuk landskap bagi projek ini. Papan tanda dibina di atas seating wall, diperbuat daripada bahan *stainless steel* serta kemasan menggunakan skim warna bendera negeri Sabah dan bendera Malaysia.


Semasa lawatan tapak di sepanjang laluan *membrane tensile walkway*, Pengarah JPBW turut meneliti jenis bahan, kaedah pemasangan dan kemasan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan. Pengarah turut berpuas hati dengan elemen rekabentuk pada *membrane tensile walkway* yang dibina sepanjang 150 meter yang di pilih kerana ianya berdasarkan kepada faktor *less maintenance* dan *connectivity* untuk orang awam.

PROJEK LANDSKAP PERBANDARAN TUARAN

Pengindahan Persekitaraan Pekan Tuaran, Sabah



Pelan Induk Landskap



KEPENTINGAN PENYEDIAAN PELAN LANDSKAP

Secara umumnya, tanah lapang disediakan bagi memberi akses yang lebih baik kepada masyarakat untuk beriadah. Penyediaannya perlu dirancang supaya masyarakat dari semua golongan seperti kanak-kanak, remaja, golongan kurang upaya dan orang tua mempunyai tempat melakukan aktiviti rekreasi.

Sebagaimana yang dinyatakan di bawah Town and Country Planning Ordinance Sabah (Cap. 141) seksyen 25 subseksyen 2 (q) Enakmen Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2002 keperluan penyediaan 10% kawasan lapang hanya tertakluk kepada kawasan pembangunan yang melebihi 1 (satu) ekar sahaja. Kawasan lapang yang disediakan tersebut perlu berfungsi dan penyediaan komponen di kawasan lapang adalah berdasarkan jenis pembangunan yang dilaksanakan

Menyedari hakikat ini, Bahagian Landskap, JPBW mengambil inisiatif dan langkah proaktif menyediakan Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) sebagai asas rujukan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri. Piawaian perancangan ini amat penting memandangkan ia adalah usaha untuk mewujudkan satu bentuk rujukan yang jelas dan kuantitatif di dalam memandu dan mengawal pembangunan landskap di seluruh Negeri Sabah.

Untuk pengetahuan umum, aspek perancangan landskap juga telah bermula semasa proses permohonan kelulusan Pelan Pembangunan yang

mana pada peringkat ini, aspek kesesuaian dan lokasi bagi kawasan lapang yang dicadangkan akan diteliti. Ini bagi menjamin keselamatan dan penyediaan keperluan komponen landskap dapat dipenuhi dalam proses kelulusan Pelan Landskap yang akan datang. Hal ini secara tidak langsung, dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merancang, menyelaraskan, dan mengawal selia kawasan lapang dengan sistematik kelak.

“Mewujudkan satu bentuk rujukan yang jelas dan kuantitatif dalam memandu dan mengawal pembangunan landskap di Sabah”

Selain itu, melalui penyediaan Pelan Landskap juga, PBT boleh mengawal standard minimum bagi :

1. Cadangan penanaman tanaman seperti min. ketinggian keseluruhan 3.5m bagi pokok teduhan, dan
2. Penyediaan komponen rekreasi dan komponen sokongan yang dapat disemak dan diteliti melalui perincian kom-

ponen yang dikemukakan dalam Lukisan Pelan Landskap, contohnya seperti pengesahan SIRIM bagi alat permainan kanak-kanak bagi projek pembangunan jenis perumahan, penggunaan material yang dicadangkan dan lain-lain keperluan landskap dapat disediakan oleh pihak pemaju sebelum diserahkan kepada PBT untuk diselenggara.

Berdasarkan rekod Bahagian Landskap, JPBW pada tahun 2015, jumlah bilangan permohonan ulasan Pelan Pembangunan yang dikemukakan ke bahagian ini adalah sebanyak 40, manakala Pelan Landskap sebanyak 21 permohonan yang telah diterima disemua peringkat PBT.

Dapat dirumuskan bahawa dengan adanya perancangan pembangunan kawasan lapang dengan landskap yang tersusun dan berkesan, ia sememangnya mampu memberikan impak besar kepada kesejahteraan kehidupan, keselesaan dan kesihatan terutamanya di kawasan perbandaran di seluruh negeri Sabah.

Bilangan Pelan Pembangunan dan Pelan Landskap yang diterima daripada PBT pada tahun 2015.

Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Ulasan Pelan Pembangunan Diterima	Bilangan Ulasan Pelan Landskap Diterima
MP Sandakan	0	4
MD Lahad Datu	12	0
MD Penampang	28	15
MD Papar	0	1
MD Kinabatangan	0	1
Jumlah	40	21



Persidangan Perancangan 2015 PERANCANGAN PENGANGKUTAN AWAM KE ARAH BANDARAYA SEJAHTERA DI SABAH

Sempena Hari Perancang Bandar Sedunia 2015, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah telah mengadakan Persidangan Perancangan Negeri Sabah dengan tema “Public Transport Towards Planning Liveable Cities in Sabah” pada 22hb Oktober 2015 (Khamis) bertempat di Grand Ballroom, Magellan Sutera Harbour Resort.


Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh YAB. Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah dan dihadiri juga oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan YB Datuk

Seri Panglima Haji Hajiji Haji Mohd. Noor, YB Menteri Kemajuan Pembangunan Bandar dan Luar Bandar Datuk Radin Malleh, YB Menteri Tugas-Tugas Khas, YB Datuk Teo Chi Kang, Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan YB. Datuk Haji Zakaria Hj. Mohd. Idris, YB. Tan Seri Sukarti Wakiman Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan YBhg. Datuk Abidin Madin-gkir Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Seramai 350 orang peserta yang terdiri daripada pihak kerajaan dan swasta telah menghadiri persidangan berkenaan.







Perasmian Seminar

PENYEDIAAN GARISPANDUAN

**EARTHQUAKE
RESISTANT BUILDINGS**



17 November 2015

Shangri-La Tanjung Aru Resort & Spa, Kota Kinabalu, Sabah





SUKNA 2015 MELAKA

Sukan Nasional Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Seluruh Malaysia diadakan pada 14 hingga 17 Ogos 2015 bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). JPBW Sabah telah menghantar seramai 80 delegasi termasuk atlit dan pegawai.

Pada temasya Sukan ini, JPBW Sabah berjaya meraih 1 pingat Emas menerusi acara badminton wanita, 1 Pingat Perak menerusi acara karam berpasukan dan 1 pingat gangsa menerusi acara futsal lelaki. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kontinjen Zon Sabah.





MALAYSIA

#*sehatisejiwa*



Isnin, 31 Ogos 2015 - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah telah menyertai Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Peringkat Negeri Sabah bagi tahun 2015.

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah merupakan kontijen yang ke 113 dan dianggotai oleh 40 orang peserta serta diketuai oleh Encik Sharum Radzlee bin Mohd Samlih. Pada majlis tersebut juga, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah telah berjaya memperolehi tempat ke 4 dalam Pertandingan Kawad Perbarisan bagi Kategori Jabatan Kerajaan Tidak Berpakaian Seragam.

MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PENGARAH SEMPENA BULAN RAMADAN AL-MUBARAK TAHUN 2015 MASIHI / 1436 HIJRAH



Badan Kebajikan Islam JPBW telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa Bersama Pengarah Bersempena Bulan Ramadan Al-Mubarak tahun 2015 Masihi / 1436 Hijrah telah diadakan di Le Meridien Kota Kinabalu pada 30 Jun 2015 (Selasa).



BADAN KEBAJIKAN ISLAM



Badan Kebajikan Islam JPBW telah menganjurkan satu lawatan amal yang dikenali sebagai Program Kembara Ihsan Badan Kebajikan Islam JPBW ke Surau Kg. Kaingaran, Tambunan, Sabah pada 15 Mac, 2015. Tujuan utama lawatan ini dilakukan adalah untuk membantu dan menyalurkan sumbangan ikhlas berbentuk kelengkapan barang-barang surau.

Di samping itu juga dapat mengeratkan tali silaturrahim diantara pihak jabatan dan penduduk setempat. Semoga usaha ini dapat diteruskan dari masa ke semasa untuk kepentingan ummah sejagat yang saling memerlukan sokongan moral dan rasa ihsan sesama manusia.



**PROGRAM KEMBARA IHSAN
KE SURAU KG. KAINGARAN,
TAMBUNAN, SABAH**

PROGRAM 'KEMBARA SEHATI SEJIWA'

RUMAH ANAK YATIM KG. LANGSAT, RANAU
Anjuran bersama Kelab Sukan dan Rekreasi & Badan Kebajikan Islam



Kelab Sukan dan Rekreasi (KREW) bersama Badan Kebajikan Islam (BKI) telah melakukan lawatan amal ke Rumah Anak Yatim di Kampung Langsat, Ranau pada 12 Disember 2015. Ianya adalah bagi menjalinkan silaturahmi di antara kakitangan jabatan dan penduduk kampung berkenaan.

Pada masa ini, rumah anak yatim berkenaan di bawah tanggungjawab Ustaz Mohd. Haimin Abdulah. Beliau juga telah memberi sedikit sebanyak penjelasan mengenai sejarah penubuhan rumah anak yatim semasa lawatan tersebut. Dalam pada itu, pihak Badan Kebajikan Islam JPBW turut menghulurkan sumbangan ikhlas seperti barangan ke keperluan bagi anak yatim, surau dan penduduk setempat.



KEAHLIAN MAJLIS BERSAMA JABATAN Saluran Komunikasi Pekerja dengan Majikan



1



2



3



4



5



6



7



8



9



10



11



12



13



14



15



16

Sepanjang tahun 2015, MBJ telah bermesyuarat sebanyak 4 kali iaitu pada

- 1 23 Febuari 2015 - Bil 1/2015
- 2 8 Mei 2015 - Bil 2/2015
- 3 11 September 2015 - Bil 3/2015
- 4 13 November 2015 - Bil 4/2015

1. Penasihat

Puan Janisan Roman

2. Pengerusi

Encik Joe Gadayok

3. Setiausaha

Puan Caroline Chin

4. Ahli

Puan Rozidah Samudin

Wakil Pen.Pegawai Perancang Bandar dan Desa

5. Ahli

Puan Maslimah Mahli

Wakil Bahagian Lanskap

6. Ahli

Encik Lee Wah

Wakil Juruteknik Perancang Bandar dan Desa

7. Ahli

Encik Athanasius J. Malis

Wakil Pelukis Pelan

8. Ahli

Puan Rosnah Abdul Rahman

Ketua Kerani

9. Ahli

Puan Sualim Gutok

Pembantu Setiausaha Pejabat

10. Ahli

Puan Elizabeth Jipinis

Wakil Bahagian Akaun

11. Ahli

Encik Amat Mohri

Wakil Perkeranian/Operasi

12. Ahli

Puan Otia Untong

Wakil Perkeranian/Operasi

13. Ahli

Encik Henry Johniuh

Wakil Pembantu Am Pejabat

14. Ahli

Encik Leo Bapulas

Wakil Pemandu Kenderaan

15. Ahli

Puan Dariah Radsan

Wakil Pekerja Awam

16. Ahli

Encik Syairul Izam Jamlin

Pembantu Operasi (Bilik Kebal)

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2014



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

1. PuanDahlia @ Christina Narijoh
2. Puan Shirley Teo
3. Encik Suhaili Laiman
4. Encik Amat Mohri Haji Terimoh
5. Encik Myron Masing
6. Encik Hablee Mohd Suh

Anugerah Khas Pengarah

1. Puan.Bernadette Edmund
2. Puan Nurulhayati Awang More
3. Puan Rosnah Abdul Rahman
4. Encik Pasdik Francies
5. Encik Harry Issu
6. Puan JainisanHj.Roman
7. Puan Jen Nee Yap
8. Cik Tan Chu Ching
9. Puan Saulim Gutok
10. Encik Feruz Khan Majin
11. Puan Adelynna Adline Foo
12. Encik SabarinHj. Matsalleh
13. Cik Carolyn Tay
14. Puan Josephine Chin
15. Encik Joe Gadayok
16. Encik Nurfini Haji Kaulih
17. Encik Lee Wah
18. Encik Yeo Bon Ching
19. Puan OtiaUntong
20. Encik Jason Ayog
21. Encik LeoBapulas
22. Encik Henry Johniuh



Puan Teresa Linggian
@ Teresa Chong

"Ucapan setinggi-tinggi ribuan terima kasih atas khidmat bakti yang telah dicurahkan"

JASAMU DIKENANG



Puan Eleanor Wong



Puan Hajah Jamilah
Haji Ajamain



Encik Addisin Tuah

SELAMAT DATANG KE JPBW



Puan Siti Khairunnisa binti Ali Rahman
Arkitek Landskap J41



Encik Irwan Ibno
Arkitek Landskap J41



Puan Emmily Dessy Roipin
Penolong Arkitek
Landskap J29



Jabatan Perancang Bandar dan Wlayah,
Tingkat 3,4 dan 5, Menara SDB,
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens,
Km 2.4, Jalan Tuaran,
88646 Kota Kinabalu, Sabah.